

26/09/2000

Sharifah Aini terus beramal

Zul Husni Abdul Hamid

SHARIFAH Aini masih unggul dan malam Rabu lalu, sekali lagi biduanita bertahi lalat itu tampil menghiburkan peminatnya dengan melodi lama dan baru, sambil membawa pelbagai kenangan dalam sejarah perjalanan seninya.

Penampilan sederhana dengan imej rambut lurus, persembahan hampir satu jam pada Majlis Makan Malam Amal anjuran Persatuan Pakar Doktor Islam (Isdam) di Nirwana Ballroom itu, berjaya mengubati kerinduan peminat terhadap suaranya.

Dendangan lagu seperti Hapuslah Air Matamu, Mengapa Tiada Maaf, Ishar, Nary Nary dan Nour El-Ain nyata dinanti lebih 500 tetamu yang sejak jam 8 malam lagi membanjiri Hotel Hilton Kuala Lumpur.

Tidak cukup dengan itu, Sharifah juga menyelitkan himpunan lagu Inggeris evergreen antaranya Constantly dan Don't Forget To Remember. Jangan terkejut kerana dia juga berupaya mendendangkan lagu nyanyian Bryan Adams, Have You Really Love dengan kawalan vokal mantap.

Tepukan bergema di seluruh dewan apabila Sharifah mendendangkan lagu, Kau Pergi Tanpa Pesan bersama dengan gerak tarinya. Bagi yang pernah menyaksikan konsertnya sebelum ini, persembahan Sharifah lebih ringkas malam itu.

Persembahannya cuma diiringi pemuzik undangan, Syed Sobrie. Terdahulu, penyanyi jemputan, bintang veteran yang begitu popular di kalangan pengunjung kelab, Yusni Hamid membuka tirai persembahan dengan melodi keroncong serta Sayang Musalmah.

Sebagai penghibur berpengalaman, Yusni memilih rangkaian lagu Inggeris yang dipopularkan Carpenters termasuk Yesterday Once More dan I Can't Help Falling In Love sebagai halwa telinga ketika tetamu asyik menjamu selera.

Yusni tidak ketinggalan mendendangkan dua lagu baru yang hingga kini tetap hangat mendapat sambutan, Cindai dan Mencintaimu yang dipopularkan penyanyi Indonsia, Kris Dayanti.

Cuma sistem suara yang kurang memuaskan mencacatkan persembahannya walaupun diiringi Kombo Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Majlis itu turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga penaung Isdam. Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Dr Mohd Khir Koyo dan isteri, Zaharah Kechik.

(END)